

## Pahang batal lesen pembalakan di Bukit Makro

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 15, 2022 @ 7:40pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUANTAN: Kelulusan pembalakan yang diberikan di kawasan Bukit Makro di Maran, sudah dibatalkan kerajaan negeri pada 17 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata arahan pembatalan itu dikeluarkan selepas penelitian berdasarkan analisis pasca banjir dilakukan, selain mengambil kira aspek kepentingan awam.

"Pihak jabatan sudah mengarahkan segala aktiviti prapembalakan di kawasan terbabit dihentikan dan semua jentera juga sudah dikeluarkan dari kawasan berkenaan," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai isu pembalakan yang diluluskan di kawasan hutan berkenaan yang menimbulkan bantahan aktivis alam sekitar dan penduduk tempatan.

Mengulas lanjut isu tular di media sosial itu, Mohd Hizamri berkata, kawasan dimaksudkan itu adalah yang diluluskan kepada Amanah Saham Pahang (ASPA) membabitkan keluasan 40.47 hektar di atas tanah kerajaan.

"Kawasan diluluskan di Bukit Makro itu bagaimanapun tidak berada dalam kawasan hutan simpan dan semua penilaian terutama berkaitan impak alam sekitar, mendapat kelulusan semua jabatan terbabit.

"Kerja pembalakan di kawasan berkenaan juga masih belum dimulakan pihak pelesen dan sebagai makluman, hanya kerja awalan membersihkan jalan pengeluaran dan pembinaan matau utama di atas tanah kerajaan saja dimulakan.

"Bagaimanapun, JPNP sudah mengarahkan supaya ia diberhentikan ketika musim tengkujuh dan kejadian banjir di Pahang, baru-baru ini.

"JPNP sudah mengarahkan segala aktiviti prapembalakan di kawasan itu diberhentikan dan semua jentera terbabit juga dikeluarkan daripada kawasan berkenaan," katanya.